IJQK INTERNATIONAL JOURNAL OF AL-QURAN AND KNOWLEDGE

# [THE VIRTUES OF *BAYT AL-MAQDIS* ACCORDING TO THE QURAN AND HADITH: ANALYSIS OF THE WORK *FAḌĀI'L BAYT AL-MAQDIS* BY IBN AL-JAWZĪ]

# KEUTAMAAN *BAYT AL-MAQDIS* MENURUT AL-QURAN DAN HADITH: ANALISIS KARYA *FAḌĀI'L BAYT AL-MAQDIS* OLEH IBN AL-JAWZĪ

DZULFAIDHI HAKIMIE DZULRAIDI
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
email: dzuldzulraidi@gmail.com

NORAZAM KHAIR MOHD ITHNIN
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
email: norazamithnin@um.edu.my

MUHAMMAD TAUFIQ AMAT FAMSIR @ AMAT TAMSIR
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
email: taufiqtamsir@gmail.com

DANIAL HAZIM AYUB
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
email: dnlhzim@gmail.com

*Received: 30th October 2023* *Accepted: 5th November 2023* *Published: 1st December 2023*

## *ABSTRACT*

*On October 7, 2023, Muhammad Deif, the leader of the military wing of Ḥarakah al-Muqāwamah al-Islāmiyyah (HAMAS), launched an operation called Ṭūfān al-Aqṣā. This was in response to the violations committed by the Israeli regime against Masjid al-Aqṣā and Bayt al-Maqdis. Bayt al-Maqdis holds significant importance for Muslims as the third holy land, where Prophet Muhammad SAW ascended to the heavens and the first qibla before the command to face the Kaabah. Given the significance of Bayt al-Maqdis to Muslims, this study aims to identify and explain its virtues according to the Quran and hadith based on Ibn al-Jawzī's work, Faḍā'il Bayt al-Maqdis (d. 579 H/1201 M). The study employs a qualitative approach using documentation as the data collection method and content analysis as the data analysis method. The findings reveal 11 Quranic verses in the work, with four addressing arguments on the topic and the remaining seven providing support for the discussions in the work. Additionally, the study identifies 67 hadiths in the work, with five of them found in al-Kutub al-Tisʿah and the remaining 62 sourced from other hadith compilations. Furthermore, only five hadiths are classified as ṣaḥīḥ, 15 as ḍaʿīf, 40 as ḍaʿīf jiddan, and the remaining five as mawḍūʿ. In conclusion, the work discusses the significance of Bayt al-Maqdis based on the Quran and hadith. The study suggests that a translation into Malay should be undertaken for wider dissemination of the benefits regarding the virtues of Bayt al-Maqdis among the Malaysian community.*

***Keywords:*** *Bayt al-Maqdis*; *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*; *al-Aqṣā*; Ibn al-Jawzī

## ABSTRAK

Pada 7 Oktober 2023, Muhammad Deif yang merupakan Ketua Sayap Ketenteraan *Ḥarakah al-Muqāwamah al-Islāmiyyah* (HAMAS) telah melancarkan sebuah operasi *Ṭūfān al-Aqṣā*. Hal ini berikutan daripada pencabulan yang dilakukan oleh rejim negara haram Israel terhadap *Masjid al-Aqṣā* dan juga *Bayt al-Maqdis*. *Bayt al-Maqdis* merupakan tempat penting bagi umat Islam kerana tempat tersebut ialah tanah haram ketiga, tempat Nabi Muhammad SAW di*isrā'*kan dan kiblat pertama umat Islam sebelum diperintahkan untuk menghadap kiblat kepada Kaabah. Disebabkan keutamaan dan kelebihan *Bayt al-Maqdis* kepada umat Islam amat bererti, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti serta menjelaskan keutamaan *Bayt al-Maqdis* menurut Al-Quran dan hadith berdasarkan sebuah karya *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* karangan Ibn al-Jawzī (m. 579 H/1201 M). Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumentasi sebagai pengumpulan data dan menjadikan metode analisis kandungan sebagai cara menganalisa data. Hasil daripada kajian ini menjelaskan terdapat 11 ayat al-Quran dalam karya tersebut. Empat daripada 11 ayat al-Quran tersebut merujuk kepada penghujahan dalam topik, manakala tujuh yang berbaki sebagai sokongan terhadap perbahasan topik dalam karya tersebut. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti bahawa karya ini mengandungi 67 buah hadith. Lima daripada 67 buah hadith tersebut berada di dalam *al-Kutub al-Tisʿah*, manakala 62 buah hadith yang berbaki berada dalam sumber-sumber hadith yang bersanad yang lain. Tambahan lagi, hanya lima buah hadith bertaraf *ṣaḥīḥ*, 15 hadith bertaraf *ḍaʿīf*, 40 hadith bertaraf *ḍaʿīf jiddan* dan baki lima hadith bertaraf *mawḍūʿ*. Kesimpulannya, karya ini membahaskan kepentingan *Bayt al-Maqdis* berdasarkan al-Quran dan hadith. Cadangan daripada kajian ini ialah sebuah terjemahan ke dalam Bahasa Melayu harus dilakukan terhadap karya ini agar manfaatnya dapat dirasai oleh masyarakat Malaysia umumnya berkenaan keutamaan *Bayt al-Maqdis*.

**Kata kunci:** *Bayt al-Maqdis*; *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*; *al-Aqṣā*; Ibn al-Jawzī

## PENDAHULUAN

### 1.1 Palestin dan *Bayt al-Maqdis*

Pada 7 Oktober 2023, Ketua Sayap Ketenteraan *Ḥarakah al-Muqāwamah al-Islāmiyyah* (HAMAS) atau juga dikenali sebagai Briged *al-Shahīd ʿIzz al-Dīn al-Qassām* iaitu Muhammad Deif telah melancarkan sebuah operasi *Ṭūfān al-Aqṣā*[1]. Operasi serangan ketenteraan yang diketuai oleh beliau adalah bertujuan sebagai tindak balas kepada penganiayaan dan rampasan tanah yang dilakukan oleh rejim negara haram Israel terhadap penduduk Palestin di Tebing Barat. Bukan itu sahaja, rejim negara haram Israel ini juga telah melakukan pencabulan ke atas kota suci ketiga bagi umat Islam iaitu kota *Bayt al-Maqdis* serta melakukan penghinaan kepada

[1] Muhammad Deif, "Kami telah meluncurkan 5000 roket dalam waktu setengah jam menuju pemukiman penjajah," laman sesawang *Youtube AlJazeera Arabic*, diakses pada 13 November 2023, https://www.youtube.com/watch?v=-cxL5_Nw1l0.

Nabi Muhammad SAW[2]. Operasi *Ṭūfān al-Aqṣā* telah mengakibatkan serang balas daripada pihak rejim negara haram Israel sehingga mengakibatkan lebih 11 ribu warga Palestin yang mati syahid[3]. Hal ini bukanlah kali pertama terjadi, malah peristiwa ini berulang kali berlaku sejak 15 Mei 1948 bermula penubuhan negara haram tersebut[4].

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di bumi Palestin merupakan rentetan kepentingan tanah *Bayt al-Maqdis* yang merupakan sebuah tempat suci bagi ketiga-tiga agama samawi iaitu Islam dengan *Masjid al-Aqṣā*, Kristian dengan *Church of Holy Sepulcre* dan Yahudi dengan *Temple Mount*[5]. Bagi agama Islam, *Bayt al-Maqdis* merupakan tanah haram ketiga bagi umat Islam selepas *Makkah al-Mukarramah* dan *Madīnah al-Munawwarah*. Selain itu, *Bayt al-Maqdis* juga merupakan tempat *Isrā'* Nabi Muhammad SAW dan kiblat solat pertama bagi umat Islam sebelum diperintah menghadap ke Kaabah yang terletak di *Makkah al-Mukarramah*[6]. Di samping itu, bagi agama Kristian kawasan *Bayt al-Maqdis* merupakan tempat Nabi Isa AS disalibkan dan akan turun pada akhir zaman pada tempat yang sama[7]. Manakala bagi agama Yahudi, *Bayt al-Maqdis* merupakan tempat Nabi Ibrahim AS mentaati perintah tuhannya untuk menyembelih anaknya Nabi Ishaq AS[8]. Disebabkan peristiwa tersebut, agama Yahudi telah menganggap bahawa *Bayt al-Maqdis* sebagai tempat suci bagi agama tersebut.

Justeru itu, kajian ini akan mengenal pasti berkenaan keutamaan dan kelebihan *Bayt al-Maqdis* menurut al-Quran dan hadith. Kajian memfokuskan karya ulama hadith yang membincangkan keutamaan dan kelebihan *Bayt al-Maqdis* yang telah dikarang oleh Abū al-Faraj Jamāl al-Dīn ʿAbd al-Raḥmān bin al-Jawzī iaitu *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*.

## 1.2 Ibn al-Jawzi dan Karyanya *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*

### 1.2.1 Nama, Keturunan, Kelahiran dan Kewafatan

Beliau ialah Abū al-Faraj Jamāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī bin 'Ubayd Allāh bin 'Abd Allāh bin Ḥammādī bin Aḥmad bin Muḥammad bin Ja'far ibn al-Jawzī. Nasab beliau bersambung terus sehingga ke Abū Bakar al-Ṣiddīq dan berketurunan

[2] *Ibid.*; Lihat juga: TeleSUR English, "Hamas, announced the launching of Operation Al-Aqsa Flood," laman sesawang *Youtube TeleSUR English*, diakses pada 13 November 2023, https://www.youtube.com/watch?app=desktop&v=c1PxK3ljyeg; Lihat juga: "Penduduk Israel melampau hina Nabi Muhammad SAW", *Utusan Malaysia*, 16 Jun 2021, https://www.utusan.com.my/luar-negara/2021/06/penduduk-israel-melampau-hina-nabi-muhammad-saw/.
[3] Astro Awani, "Lebih 11,000 rakyat Palestin maut dibedil rejim Zionis", lamas sesawang *Youtube Astro AWANI*, diakses pada 13 November 2023, https://www.youtube.com/watch?v=H2fuP8GEVR4.
[4] Mohd Roslan Mohd Nor, "Konflik Israel-Palestin Dari Aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis", *Jurnal Al-Tamaddun*, 5 (2010) 73-95.
[5] A R Kasa, "Sejarah Baitulmaqdis jadi rebutan dunia," *Berita Harian Online*, 26 Februari 2020, https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2020/02/659337/sejarah-baitulmaqdis-jadi-rebutan-dunia.
[6] Mohd Roslan Mohd Nor, "Jerusalem in History", *Jurnal Usuluddin*, 17 (2003) 185-188
[7] El-awaisi, K. dan Sağlam, B. B., "Hastening Armageddon: The Future of Al-Aqsa Mosque in the 'Deal of The Century' within the Framework of Christian Zionisim," *Journal of Islamicjerusalem Studies*, 23:1 (2023) ,29-62.
[8] Menurut agama Yahudi, anak Nabi Ibrahim AS yang disembelih ialah Nabi Ishaq AS. Tempat penyembelihan tersebut di *Bayt ʿĪliyyā*. Manakala bagi umat Islam, anak Nabi Ibrahim AS yang disembelih ialah Nabi Ismāʿīl AS. Lihat: Hishām al-Kāmil Ḥāmid, *Qaṣaṣ al-Anbiyā'* (Kaherah: t.tp., 2019) 63.

Quraisy daripada suku Bani Tamim[9]. Beliau lebih dikenali sebagai Ibn al-Jawzī yang dinisbahkan kepada datuknya Ja'far, bersempena dengan pokok *Jawz* yang hanya ada di rumahnya dan tiada di tempat lain. Menurut al-Ḍali' (2005), beliau telah dilahirkan di Baghdad, Iraq pada tahun 510 Hijrah/1116 Masihi menurut pandangan yang paling tepat. Beliau membesar dalam keadaan yatim apabila ayahnya meninggal dunia ketika berusia tiga tahun dan membesar di bawah jagaan ibu kandungnya dan ibu saudaranya[10]. Ibn al-Jawzī telah meninggal dunia pada malam Jumaat 12 Ramaḍān 579 Hijrah/16 Jun 1201 dan telah dikebumikan di perkuburan Bāb Ḥarb[11].

### 1.2.2 Latar Pendidikan dan Keilmuan

Ketika umurnya meningkat dewasa, Ibn al-Jawzī telah dibawa oleh ibu saudaranya ke masjid dan bertemu dengan Muḥammad bin Nāṣir al-Ḥāfiẓ. Beliau telah berguru dengannya, menghafaz al-Quran, mengambil ilmu dan mendengarkan hadith-hadith. Beliau juga telah mempelajari fiqh daripada Ibn al-Zāghūnī, ilmu Bahasa arab daripada Abū Manṣūr al-Jawālīqī dan ilmu al-Quran daripada Sibṭ al-Khayyāl[12]. Beliau mula mendengar hadith ketika berusia 16 tahun. Beliau telah menghabiskan masanya untuk mempelajari ilmu dan mendengarkan hadith daripada guru-gurunya seperti Abū al-Qāsim bin al-Ḥuṣayn, Al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Bāriʿ, ʿAlī bin ʿAbd al-Raḥmān al-Dīnawarī, Aḥmad bin Aḥmad al-Mutawakkilī dan ramai lagi yang jumlahnya melebihi 80 orang guru. Ibn al-Jawzī tidak melakukan rehlah dalam pencarian hadith, namun beliau telah memiliki beberapa karya hadith seperti *Musnad Aḥmad, Kutub Sittah, Tārikh al-Khaṭīb* dan lain-lain. Al-Dhahabī memuji beliau sebagai seorang ilmuan yang unggul dalam pelbagai bidang, pakar dalam ilmu tafsir Al-Quran, *sīrah* dan sejarah. Beliau juga disifatkan dengan kehebatan dalam bidang hadith dan ilmu-ilmunya, serta seorang yang faqih dan mengetahui perkara-perkara *ijmā*ʿ (perkara-perkara yang disepakati) dan *ikhtilāf* (perkara-perkara yang diperselisihkan)[13].

### 1.2.3 Karya Penulisan

Al-Dhahabi telah memberi gelaran kepada Ibn al-Jawzi sebagai *Ṣāḥib al-Taṣānīf* yang membawa makna bahawa Ibn al-Jawzī merupakan individu yang memiliki banyak penulisan dalam pelbagai bidang. Beliau mampu menghimpunkan segala maklumat dan ilmu lalu menulisnya dalam kitab dengan penggunaan bahasa yang indah dan lembut dalam masa yang sama masih memelihara pengisian ilmu dan penggunaan isyarat dan ibarat yang baik[14]. Antara

[9] Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'* ed. Shu'ayb al-Arnā'ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 21: 365
[10] Fahd bin Ibrāhīm bin 'Abd Allāh al-Ḍali', Zawāid ibn al-Jawzī 'alā Maqātil fī al-Wujūh wa al-Naẓāir (disertasi Sarjana Uṣūl al-Dīn, Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Sa'ud al-Islāmiyyah, 2005), 33
[11] Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād* ed. Muṣtafā 'Abd al-Qādir Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 15: 238
[12] Ismā'īl bin 'Umar ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* ed. 'Alī Shīrī (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1988), :١٣ ٣٥.
[13] Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'* ed. Shu'ayb al-Arnā'ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 21: 366-367.
[14] Ibid, 367

karya penulisan beliau ialah *Zād al-Masīr fī al-Tafsīr*, *Al-Mawḍūʿāt*, *Minhāj al-Qāṣidīn, Talbīs Iblīs, Faḍāil Bait al-Maqdis* dan lain-lain lagi.

### 1.2.4 Karya *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*

Karya *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* atau *Faḍā'il al-Quds* menurut sebahagian nuskhah yang lain merupakan karya beliau yang menghimpunkan berkenaan kelebihan *Bayt al-Maqdis*. Sebagaimana yang telah diceritakan dalam pendahuluannya, beliau menulis kitab ini rentetan daripada permintaan sebahagian warga *Bayt al-Maqdis* untuk menceritakan perihal kelebihan tempat mereka. Beliau telah menulis kitab ini dengan mengaplikasikan metode *al-Muḥaddithīn* dengan menyebutkan hadith-hadith, āthār dan kisah-kisah berkenaan *al-Quds* berserta sanad yang penuh. Antara rujukan utama yang digunakan oleh beliau dalam penulisan kitab ini ialah kitab *Faḍā'il al-Bayt al-Muqaddas* oleh Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Wāsiṭī. Sebahagian besar kandungan karya tersebut telah diriwayatkan oleh Ibn al-Jawzī dan memuatkannya ke dalam karya beliau iaitu *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*. Beliau juga telah membawa periwayatan-periwayatan daripada lapan orang gurunya ke dalam kitab ini iaitu Abū al-Muʿammar al-Anṣārī, Ibn Nāṣir, Yaḥyā bin Thābit bin Bundār, Hibat Allāh bin Muḥammad bin al-Ḥuṣayn, 'Abd al-Awwal bin 'Īsa, 'Abd al-Wahhāb bin al-Mubārak al-Anmāṭī, Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Ḥabīb dan al-Faḍl bin Sahl al-Isfirāyīnī.

## 2. SKOP DAN METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam[15] seperti mengkaji berkenaan keutamaan *Bayt al-Maqdis* menurut al-Quran dan hadith. Ini disebabkan dalam mengenal pasti kelebihan dan keutamaan *Bayt al-Maqdis* menurut al-Quran memerlukan rumusan dan penjelasan daripada sumber rujukan tafsir al-Quran agar kefahaman terhadap sesuatu ayat adalah benar lagi tepat. Selain itu, bagi menjelaskan keutamaan *Bayt al-Maqdis* menurut hadith pula menuntut kepada sumber-sumber seperti *shurūḥ al-hadith* supaya kefahaman yang tepat dan autentikasi dapat diberikan. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan metode dokumentasi sebagai metode pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis data[16].

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti keutamaan *Bayt al-Maqdis*. Selain itu, pendapat para ulama dan ahli akademik kontemporari diperlukan dalam mendalami keutamaan dan kelebihan *Bayt al-Maqdis*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

[15] Mohd Awang Idris et al., *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018) 76.
[16] Norazam Khair Mohd Ithnin, Ishak Suliaman & Abdul Halim Ibrahim, "Autentikasi Hadith Pensyariatan Khitān Wanita: Suatu Penilaian Semula" (Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Keunggulan Warisan Islam 8(1) 2023) 132.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengetahui keutamaan *Bayt al-Maqdis* menurut al-Quran dan hadith berdasarkan setiap pendapat para ulama silam mahupun kontemporari dan ahli akademik kontemporari berkenaan isu ini. Selain itu, karya teks arab mahupun tesis dan artikel jurnal akan dirujuk bagi memahami topik perbincangan keutamaan *Bayt al-Maqdis*.

Bagi ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW, maka kajian ini hanya menghadkan pencarian kepada karya *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* oleh Ibn al-Jawzī. Setiap ayat al-Quran dan hadith yang terdapat dalam karya tersebut akan disenaraikan seterusnya dianalisis berkenaan taburan, konteks dan autentikasi ayat al-Quran dan hadith tersebut. Karya tersebut akan merujuk kepada cetakan pertama karya *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* terbitan *Maktabah Dār al-Kutub al-Misriyyah*[17].

## 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Menurut Alex Zvargulis R. (2021), kajian karya merupakan suatu proses menganalisis sumber, metodologi dan melakukan penilaian terhadap karya[18]. Justeru, kajian ini akan menyenaraikan taburan ayat-ayat al-Quran dan hadith yang dikeluarkan oleh Ibn al-Jawzī. Seterusnya analisis akan dijalankan agar penilaian dapat dibentuk ke atas karya *Faḍāil Bait al-Maqdis*.

### 3.1 Analisis Ayat Al-Quran Dalam *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*

#### 3.1.1 Analisis Taburan Ayat al-Quran

Kajian menyaksikan terdapat 10 ayat dari al-Quran yang telah dikeluarkan oleh Ibn al-Jawzī. Kesemua teks dikumpulkan dan disusun mengikut susunan *Muṣḥaf al-Uthmānī*. Hal ini berikutan susunan *Muṣḥaf al-ʿUthmānī* merupakan susunan universal dan digunakan oleh masyarakat Malaysia[19]. Begitu juga ayat al-Quran dilabelkan mengikut penomboran kod agar memudahkan penjelasan di bahagian perbincangan. Setiap ayat diletakkan bab dan muka surat agar rujukan silang dapat dijalankan. Rumusan taburan ayat al-Quran adalah berdasarkan jadual 3.1:

Jadual 1: Rumusan taburan ayat al-Quran

| Kod | Teks | Ayat | Surah | Bab | M/S |
|---|---|---|---|---|---|
| A1 | يَا قَوْمِ ادْخُلُوا الْأَرْضَ الْمُقَدَّسَةَ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ | 21 | Al-Māidah | Kelebihan *Bayt al-Maqdis* | 45 |
| A2 | قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ | 26 | Al-Māidah | Kisah Nabi Musa ingin menawan *Bayt al-Maqdis* | 91 |

[17] Ibn al-Jawzī, Abdul Rahman bin Ali, Faḍāil Bait al-Maqdis ed. Amru bin Abd Azim (cet. pertama, Kaherah: Maktabah Dār al-Kutub al-Misriyyah, 2012).
[18] Alex Zvargulis R., "How to Write an Academic Book Review" (San José State University Writing Center, 2021) 1.
[19] Anuar Mohamad & Mustaqim Zarif, "Kaedah Penulisan Rasm Uthmani dan Keistimewaannya" (Ulum Islamiyyah, 4(1) 2005) 17.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| A3 | سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلاً مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ | 1 | Al-Isrā’ | Kelebihan *Bayt al-Maqdis* | 62 |
| A4 | وَقَضَيْنَا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ فِي الْكِتَابِ | 4 | Al-Isrā’ | Perlakuan buruk *Bani Isrāīl* | 77 |
| A5 | الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا لِلْعَالَمِينَ | 71 | Al-Anbiyā’ | Kelebihan Kubah *al-Sakhrah* | 116 |
| A6 | الَّتِي بَارَكْنَا فِيهَا لِلْعَالَمِينَ | 81 | Al-Anbiyā’ | Kelebihan Kubah al-Sakhrah | 116 |
| A7 | ثُمَّ اسْتَوَى إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ | 11 | Fussilat | Peristiwa Nabi diangkat ke langit | 125 |
| A8 & A9 | فَضُرِبَ بَيْنَهُم بِسُورٍ لَّهُ بَابٌ | 13 | Al-Hadīd | Kedudukan *Bayt al-Maqdis* | 58 & 114 |
| A10 | وَالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ * وَطُورِ سِينِينَ * وَهَٰذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ | 1-3 | Al-Tīn | Bukit di *Bayt al-Maqdis* | 48 |
| A11 | قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ | 1 | Al-Ikhlāş | Kelebihan solat di *Bayt al-Maqdis* | 66 |

Rujukan: Analisis Pengkaji

### 3.1.2 *Analisis Konteks Ayat al-Quran*

Kajian menemui Ibn al-Jawzī mengemukakan ayat al-Quran pada 11 tempat terdiri daripada muka surat 45, 48, 58, 62, 66, 77, 91, 114, 116 sebanyak dua kali dan muka surat 125. Namun didapati bukan setiap ayat al-Quran di atas digunakan sebagai asas hujah beliau bagi menetapkan kelebihan *Bayt al-Maqdis* bahkan terdapat ayat al-Quran yang hanya diterapkan sebagai sokongan kepada hujah beliau. Metode analisis yang digunakan untuk membezakan kedua objektif tersebut adalah dengan melihat kepada keserasian ayat al-Quran dengan tajuk bab serta konteks perbincangan yang dibahaskan oleh Ibn al-Jawzī. Teori ini diadaptasi daripada metode penilaian hadith-hadith *Sahīh al-Bukhārī* sama ada digolongkan dalam kelompok hadith hujah atau sokongan[20]. Berikut merupakan taburan analisis ayat-ayat al-Quran yang diletakkan sebagai penghujahan dan sokongan. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 2: Rumusan taburan konteks ayat al-Quran

| Objektif | Kod | Konteks |
|---|---|---|
| Penghujahan | A1 | Penetapan kesucian *Bayt al-Maqdis* |
| | A3 | Penjelasan keutamaan *Bayt al-Maqdis* |
| | A4 | Penceritaan kerosakan yang akan dilakukan ke atas *Bayt al-Maqdis* |
| | A10 | Penetapan tafsiran zaitun sebagai bukit di *Bayt al-Maqdis* |
| Sokongan | A2 | Penceritaan kisah golongan Bani Isrāil |
| | A5 | Bumi Syam sebagai bumi yang diberkati |
| | A6 | |

[20] Dzul Dzulraidi, *Terjemahan Syarah Muqizah az-Zahabi* (Terengganu: Paddi Resources, 2023) 115.

| | | |
|---|---|---|
| | A7 | Tafsiran Allah menciptakan langit |
| | A8 | Tafsiran berkenaan pintu pemisah golongan munafik dan beriman |
| | A9 | |
| | A11 | Ayat surah al-Ikhlas dibaca ketika solat di *Bayt al-Maqdis* |

Rujukan: Analisis Pengkaji

Analisis mendapati sebanyak empat ayat al-Quran diaplikasikan oleh Ibn al-Jawzī untuk menetapkan hujah beliau manakala tujuh ayat al-Quran digunakan sebagai sokongan semata-mata. Hal ini berlaku berikutan beliau bergantian menggunakan al-Quran dan hadith untuk diletakkan sebagai sumber hujah dalam karyanya. Namun kesemua ayat al-Quran yang dikeluarkan mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan tajuk karya.

### 3.1.3 Analisis Tafsir Ayat al-Quran

Kajian juga menemui Ibn al-Jawzī mengeluarkan tafsiran-tafsiran daripada pelbagai sumber terhadap ayat-ayat al-Quran yang dikemukakan. Justeru kajian ini akan menjelaskan kesemua sumber tafsiran tersebut. Selain itu, rujukan asal bagi kesemua tafsiran juga akan dikeluarkan agar mudah untuk dirujuk kembali. Seterusnya, status sanad bagi tafsiran akan dinyatakan berpandukan kepada penilaian pentahkik karya *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* iaitu Amru bin Abd Azim seperti dijelaskan di bahagian skop dan metodologi. Hal ini penting untuk memastikan tahap autentik sesebuah tafsiran ayat al-Quran. Rumusan taburan tafsir ayat al-Quran adalah seperti jadual 3.3:

Jadual 3: Rumusan taburan tafsir ayat al-Quran[21]

| Kod | Tafsir | Sumber | Pengarang | Status |
|---|---|---|---|---|
| A1 | *Al-Ard al-Muqaddasah*: Kota Jericho iaitu *Bayt al-Maqdis* | *Tafsir Ibn Jarīr al-Tabarī* | Muhammad bin Jarīr al-Tabarī | *Ṣaḥīḥ* |
| A3 | *Masjid al-Aqsā*: *Bayt al-Maqdis* atau al-Aqsa | *Fath al-Bārī* | Ahmad bin Ali al-'Asqalānī | *Ṣaḥīḥ* |
| A4 | Nabi-nabi yang dibunuh oleh *Bani Isrāil*: Zakaria, Syaʿya dan Yahya | *Tafsīr Ibn Jarīr al-Tabarī* | Muhammad bin Jarīr al-Tabarī | *Ṣaḥīḥ* |
| A5, A6 | Air tawar berpunca dari kubah *Sakhrah* | *Fadhāil Bait al-Maqdis* | Muhammad bin Ahmad al-Wāsitī | *Ḍa'īf* |
| A8, A9 | *Suwar lahu bāb*: Benteng atau kubu di timur *Bayt al-Maqdis* | *Fadhāil Bait al-Maqdis* | Muhammad bin Ahmad al-Wāsitī | *Ḍa'īf Jiddan* |
| A10 | *Al-Zaitūn*: Bukit Zaitun di *Bayt al-Maqdis* | *Fadhāil Bait al-* | Muhammad bin Ahmad | *Ḍa'īf Jiddan* |

[21] Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmiʿ al-bayān ʿan taʾwīl āy al-Qurʾān* ed. 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin (Mecca: Dār Hajr, 2001), Aḥmad bin 'Ali ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī dan Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1970), Abū al-Qāsim 'Alī bin al-Hasan ibn 'Asākir, *Tārikh Dimasq* ed. Muḥib al-Dīn Abū Sa'īd 'Umar bin Gharāmah (Dimasq: Dār al-Fikr, 1998)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | *Maqdis, Tārikh Dimasyq* | al-Wāsitī, Ali bin Hasan | |

Rujukan: Analisis Pengkaji

Analisis mendapati daripada kesemua 10 ayat al-Quran yang dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī, lapan daripadanya didatangkan dengan tafsiran. Tiga daripadanya dikenal pasti berstatus *sahih* manakala satu berstatus *ḍaʿīf*. Begitu juga dua tafsiran diletakkan penilaian status *ḍaʿīf jiddan*. Selain itu, Ibn al-Jawzī aktif menjadikan karya al-Wāsitī sebagai rujukan ketika menafsirkan ayat-ayat al-Quran. Hal ini menunjukkan beliau berlandaskan penilaian Muhammad bin Ahmad al-Wāsitī dalam tafsiran sebahagian ayat-ayat al-Quran.

Ibn al-Jawzī juga dilihat menggunakan metodologi *mawḍūʿī* (tematik) dalam karya beliau untuk mengenalpasti ayat-ayat al-Quran berkaitan kelebihan *Bayt al-Maqdis*. Menurut Moh Tulus Yamani (2015), metode tematik al-Quran merupakan metode yang berusaha meneliti perspektif al-Qur'an dengan cara mengumpulkan ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai tujuan yang satu, yang bersama-sama membahas topik/judul tertentu dan menertibkannya sesuai dengan masa turunnya dan selaras dengan sebab-sebab turunnya, kemudian memperhatikan ayat-ayat tersebut dengan penjelasan-penjelasan, keterangan-keterangan dan hubungannya dengan ayat-ayat yang lain, kemudian mengistinbatkan hukum-hukum[22]. Berdasarkan kenyataan ini, kajian mendapati Ibn al-Jawzī hanya memilih tafsiran-tafsiran yang selari dengan tema *Bayt al-Maqdis* untuk dimasukkan dalam karyanya.

#### 3.1.4 Rumusan Analisis Ayat Al-Quran

Hasil analisis mendapati Ibn al-Jawzī mengeluarkan 10 ayat al-Quran di 11 tempat menggunakan metodologi tematik dalam mengumpulkan ayat-ayat al-Quran berkaitan *Bayt al-Maqdis*. Namun begitu, beliau tidak hanya mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai terma *Bayt al-Maqdis* sahaja bahkan beliau menyelusuri tafsiran ayat-ayat al-Quran tertentu dan mengenal pasti ayat tersebut membicarakan tema yang sama walaupun tidak menyebutkan berkaitan *Bayt al-Maqdis* secara langsung. Selain itu, Ibn al-Jawzī dilihat mengutamakan karya Muhammad bin Ahmad al-Wāsitī sebagai sumber tafsiran terhadap ayat-ayat yang dikeluarkan. Hal ini berikutan dua karya berikut membicarakan mengenai tema yang sama justeru digunakan sebagai rujukan utama.

### 3.2 Analisis Hadith-Hadith dalam *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*

#### 3.2.1 Analisis Taburan Hadith

Kajian mendapati bahawa sebanyak 67 hadith beserta sanad penuh telah dimuatkan oleh Ibn al-Jawzī di dalam kitabnya. Kesemua hadith ini telah dikumpulkan dan dibahagikan kepada dua kumpulan; iaitu kumpulan rumusan taburan hadith berdasarkan *al-Kutub al-Tis'ah*, dan kumpulan rumusan taburan hadith selain *al-Kutub al-Tis'ah.* Kesemua hadith yang dimuatkan

[22] Moh Tulus Yamani, "Memahami Al-Qur'an dengan Metode Tafsir Maudhu'ī" (Jurnal Pendidikan Agama Islam, 1(2) 2015) 277.

akan dipersembah dalam bentuk *aṭrāf ḥadīth*[23] beserta sumber hadith daripada *maṣādir aṣliyyah*[24]. Setiap hadith juga akan diletakkan status hadith di hujung taburan. Ini bertujuan untuk memudahkan rujukan pengkaji akan datang dalam men*takhrij*, mengetahui status hadith dan merujuk sumber asli kepada hadith-hadith berkenaan.

Jadual 4: Rumusan taburan hadith berdasarkan *al-Kutub al-Tis'ah*[25]

| **No.** | ***Aṭrāf* Hadith** | **Sumber Hadith** | | | | | | | | | **Status Hadith** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **MM** | **A** | **D** | **B** | **M** | **AB** | **T** | **N** | **IM** | |
| 1 | إِنَّ الشَّمسَ لَم تُحبَس عَلَى بَشَرٍ، إِلَّا لِيُوشَعَ بنِ نُونَ | | 1 | | | | | | | | *Ṣaḥīḥ* |
| 2 | صلَّى رسُولُ الله عليه السلام إلى بَيتِ المقدِسِ ستَّةَ | | | | 1 | 1 | | | | | *Ṣaḥīḥ* |
| 3 | لما كَانَ لَيلَةُ أُسرِيَ بِي فَأَصبَحتُ بِمَكَّةَ، فَظَعْتُ بِأَمرِي | | 1 | | | | | | | | *Ṣaḥīḥ* |
| 4 | لما كَذَّبَتنِي قُرَيشٌ حِينَ أُسرِيَ بِي إِلَى البَيتِ المقَدَّسِ | | 1 | | | | | | | | *Ṣaḥīḥ* |

[23] Aṭrāf ḥadīth ialah juzuk daripada bahagian awal matan hadith yang menunjukkan kepada bakinya. Pengkaji hadith akan melihat kepada bahagian awal daripada matan hadith, dan mencarinya dalam kitab-kitab takhrij yang menghimpunkan hadith secara aṭrāf seperti *Tuḥfat al-Ashrāf bi Ma'rifah al-Aṭrāf, Al-Ashrāf 'alā Ma'rifat al-Aṭrāf* dan lain-lain. Lihat: Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsat al-Asānīd* (Al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1996), 48

[24] Maṣādir Aṣliyyah ialah kitab-kitab yang meriwayatkan hadith beserta sanad yang penuh daripada pengarang kitab sendiri. Misalnya *al-Kutub al-Tis'ah*, *Tafsir ibn Jarīr al-Ṭabarī*, *Al-Umm al-Shāfi'ī* dan lain-lain. Lihat: Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, *Takhrīj al-Ḥadīth Nash'atuhu wa Manhajiyatuhu* (Kuala Lumpur: Maktabah Qurṭubah, 2014), 16-17

[25] Al-Kutub al-Tis'ah merupakan himpunan sembilan kitab-kitab utama rujukan dalam hadith iaitu Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abī Dāwūd, Jāmi' al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'ī, Sunan Ibn Mājah, Muwaṭṭa' Mālik, Musnad al-Dārimī dan Musnad Aḥmad. Kajian ini akan menggunakan pelabelan kod bagi setiap kitab untuk peringkasan, iaitu MM merujuk kepada Muwaṭṭa' Mālik, A merujuk kepada Musnad Aḥmad, D merujuk kepada Musnad al-Dārimī, B merujuk kepada Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, M merujuk kepada Ṣaḥīḥ Muslim, AB merujuk kepada Sunan Abī Dāwūd, T merujuk kepada Jāmi' al-Tirmidhī, N merujuk kepada Sunan al-Nasā'ī dan IM merujuk kepada Sunan Ibn Mājah. Lihat: Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *"Ṣaḥīḥ al-Bukhārī"* dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah,* ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Ṣahīh Muslim" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah* ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash'ath al-Sijistānī, *"Sunan Abī Dāwūd"* dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah* ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), Abū ʿĪsā Muḥammad ibn ʿĪsā al-Sulamī al-Tirmidhī, *"Sunan al-Tirmidhī"* dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah,* ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), Abū ʿAbd al-Raḥmān Aḥmad ibn Shuʿayb al-Nasāʾī, *"Sunan al-Nasā'ī",* dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah,* ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), Abū ʿAbd Allāh Muḥammad ibn Yazīd Ibn Mājah, *"Sunan ibn Mājah"* dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah,* ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), Mālik bin Anas bin Mālik, *Muwaṭṭa' Mālik* ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1985), Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad* ed. ed. Shu'ayb al-Arnā'ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001), Abū Muḥammad ʿAbd Allāh ibn ʿAbd al-Raḥmān al-Dārimī, *"Musnad al-Dārimī"* ed. Husayn Salīm Asad al-Dārānī (Al-Riyāḍ: Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000).

| | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | لما أُسرِيَ به، انتَهَى به جِبرِيلُ إلى بيتِ المَقدِسِ | | | | | | | 1 | | | *Ṣaḥīḥ* |

Rajah 1: Taburan Hadith Dalam *al-Kutub al-Tis'ah*




Analisis mendapati bahawa daripada 67 hadith yang dimuatkan, hanya sebanyak lima hadith sahaja yang didapati berasal daripada *al-Kutub al-Tis'ah*. Daripada jumlah ini, sebanyak tiga hadith telah disenaraikan daripada Musnad Aḥmad, satu hadith daripada Jāmi' al-Tirmidhī dan satu hadith yang telah diriwayatkan di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim.

Jadual 5: Rumusan taburan hadith selain *al-Kutub al-Tis'ah*[26]

| No. | *Aṭrāf* Hadith | Sumber Hadith | | | | | | | Status Hadith |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | FW | TD | TT | MA | ST | AT | FM | |
| 1 | التِّينُ: طُورُ تِينَا، مَسجِدُ بَيتِ المَقدِسِ، وَالزَّيتُونُ: طُورُ زَيتَا... | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf Jiddan* |

[26] Penyenaraian dalam rumusan taburan hadith selain al-Kutub al-Tis'ah hanya memadai dengan kitab-kitab yang ditemukan sumber aslinya. Kajian ini akan menggunakan pelabelan kod bagi setiap kitab untuk peringkasan, iaitu FW sebagai Faḍā'il al-Bayt al-Muqaddas oleh al-Wāsiṭī, TD sebagai Tārikh Dimashq oleh Ibn 'Asākir, TT sebagai Jāmiʿ al-bayān ʿan taʾwīl āy al-Qurʾān oleh al-Ṭabarī, MA sebagai Sharh Mushkil al-Āthār oleh al-Ṭaḥāwī, ST Musnad al-Shāmiyyīn oleh al-Ṭabrānī, AT sebagai al-Mu'jam al-Awṣaṭ oleh al-Ṭabrānī dan FM sebagai Faḍā'il Bayt al-Maqdis oleh al-Maqdisī. Lihat: Al-Khaṭīb Abū Bakar Muḥammad bin Aḥmad al-Wāṣiṭī, *Faḍā'il al-Bayt al-Muqaddas* ed. Abū al-Mundhir al-Ḥuwaynī dan 'Amru bin 'Abd al-'Aẓīm Sharīf (Nicosia: Markaz Bayt al-Maqdis li al-Dirāsāt al-Tawthīqiyyah, 2010), Abū al-Qāsim 'Alī bin al-Hasan ibn 'Asākir, *Tārikh Dimasq* ed. Muḥib al-Dīn Abū Sa'īd 'Umar bin Gharāmah (Dimasq: Dār al-Fikr, 1998), Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmiʿ al-bayān ʿan taʾwīl āy al-Qurʾān* ed. 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin (Mecca: Dār Hajr, 2001), Abū Ja'far Aḥmad bin Muḥammad al-Ṭaḥāwī, *Sharh Mushkil al-Āthār* ed. Shu'ayb al-Arna'ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1994), Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī, *Musnad al-Shāmiyyīn* ed Ḥamdī bin 'Abd al-Majīd al-Salafī (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1984), Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awṣāt* ed. Abū Mu'ādh Ṭāriq bin 'Aud Allāh (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, 1995), Ḍiyā' al-Dīn Abū 'Abd Allāh al-Maqdisī, *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* ed. Muḥammad Muṭi' al-Ḥāfiẓ (Dimasq: Dār al-Fikr, 1981)

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | ..وَوَصَلَهَا بِالمدِينَةِ، وَوَصَلَ المدِينَةَ بِبَيتِ المقدِسِ، ثُمَّ خَلَقَ.. | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 3 | فَقَسَمَهَا أَربَعَ قِطَعٍ: ..وَالثَّالِثَةِ: بَيتَ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 4 | بَنَى سُليمانُ بنُ داوُد بيتَ المقدِسِ على أساسٍ قديمٍ | | | | | | | 1 | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 5 | لما أَمَرَ اللهُ دَاوُدَ أَن يَبنِيَ مَسجِدَ بَيتِ المقدِسِ.. | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 6 | أَوحَى اللهُ عز وجل إلى دَاوُدَ: إِنَّكَ لَن تُتِمَّ بِنَاءَ بَيتِ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf* |
| 7 | لما وَلِيَ سُلَيمَانُ أَوحَى اللهُ إِلَيهِ: أَن ابْنِ بَيتَ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 8 | لما خَلَا مِن مُلكِ سُلَيمَانَ سَنَتَين بَدَأَ في بِناءِ بَيتِ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 9 | لما فَرَغَ سُلَيمَانُ بنُ دَاوُدَ مِن بِنَاءِ بَيتِ المَقدِسِ أَنبَتَ اللهُ لَهُ شَجرَتَينِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 10 | إِنَّ اللهَ أَوحَى إِلَى سُلَيمَانَ: أَنْ ابْنِ بَيتَ المقدِسِ، فَجمَعَ حُكَمَاءَ | | 1 | | | | | 1 | *Mawḍūʻ* |
| 11 | هُوَ سُورُ بَيتِ المقدِسِ الشَّرقِيُّ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 12 | إِنَّ ذَا القَرنَينِ كَانَ مِن حِميَرٍ، وَأَنَّهُ قَصَدَ بَيتَ المقدِسِ | 1 | 1 | | | | | 1 | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 13 | إِنَّ اللهَ عز وجل يَنظُرُ إِلَى بَيتِ المقدِسِ كُلَّ يَومٍ مَرَّتَينِ | 1 | | | | | | 1 | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 14 | مَنْ زَارَ بَيتَ المقدِسِ شَوقًا إِلَيهِ، دَخَلَ الجَنَّةَ | 1 | | | | | | 1 | *Ḍaʻīf* |
| 15 | أَنَّ سُلَيمَانَ بنَ دَاوُدَ لَمَّا رَدَّ اللهُ إِلَيهِ مُلكَهُ، مَشَى عَلَى رِجلَيهِ مِن عَسقَلَانَ إِلَى بَيتِ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf* |
| 16 | مَن صَلَّى بِبَيتِ المقدِسِ خَمسَ صَلَوَاتٍ نَافِلَةً | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 17 | صَلَاةُ الرَّجُلِ فِي بَيتِهِ بِصَلَاةٍ وَاحِدَةٍ، وَصَلَاتُهُ فِي مَسجِدِ القَبَائِلِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 18 | نِعمَ المسكَنُ بَيتُ المقدِسِ؛ مَن صَلَّى فِيهِ صَلَاةً بِأَلفِ صَلَاةٍ فِيمَا | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | لا يَسمَعُ أَهلُ السَّماءِ مِن كَلَامِ بَنِي آدَمَ شَيئًا | | | | | | | | *Ḍaʿīf Jiddan* |
| 20 | يَا نَافِعُ! اخرُج بِنَا مِن هَذَا البَيتِ | 1 | | | | | | | *Mawḍūʿ* |
| 21 | الحَسَنَةُ فِي بَيتِ المَقدِسِ بِأَلفٍ، وَالسَّيِّئَةُ بِأَلفٍ | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf Jiddan* |
| 22 | أَرَأَيتَ يَا رَسُولَ اللهِ إِن ابتُلِينَا بِالبَقَاءِ بَعدَكَ فَأَينَ تَأمُرُنَا | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf* |
| 23 | لَا تَزَالُ طَائِفَةٌ مِن أُمَّتِي ظَاهِرِينَ عَلَى الحَقِّ، لِعَدُوِّهِم قَاهِرِينَ | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf* |
| 24 | لا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَسُوقَ اللهُ خِيَارَ عِبَادِهِ إِلَى بَيتِ المَقدِسِ | 1 | | | | | | | *Mawḍūʿ* |
| 25 | أَنتَ جَنَّتِي، وَقُدسِي، وَصَفوَتِي مِن بِلَادِي، مَن سَكَنَكَ فَبِرَحمَةٍ | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf Jiddan* |
| 26 | أَهلُ بَيتِ المَقدِسِ جِيرَانُ اللهِ، وَحَقٌّ عَلَى اللهِ عز وجل | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf Jiddan* |
| 27 | لا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: المسجِدِ الحَرَامِ | 1 | | | | | | | *Ṣaḥīḥ* |
| 28 | مَن أَتَى بَيتَ المَقدِسِ فَلْيَأتِ مِحرَابَ دَاوُدَ فَلْيُصَلِّ فِيهِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf Jiddan* |
| 29 | كَانَ فِي زَمَانِ بَنِي إِسرَائِيلَ فِي بَيتِ المَقدِسِ عِندَ عَينِ سُلوَانَ عَينٌ | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf* |
| 30 | [فِي قولِهِ عز وجل]: {بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ عِبَادًا لَنَا}: «جَالُوتَ. | | | 1 | | | | | *Ḍaʿīf Jiddan* |
| 31 | بَعَثَ اللهُ عَلَيهِم فِي المرَّةِ الأَخِيرَةِ بُخت نَصَّرَ فَخَرَّبَ المسَاجِدَ | | | 1 | | | | | *Ḍaʿīf Jiddan* |
| 32 | {أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَى قَرْيَةٍ}، قال: هو عُزير | | | 1 | | | | | *Ṣaḥīḥ* |
| 33 | غَزَا طَاطَرَى بنُ أَسمَانُوسَ بَنِي إِسْرَائِيلَ، فَسَبَاهُم | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf Jiddan* |
| 34 | أَخْرَبَتْ الرُّومَ أَهْلَ رُومِيّه مَسْجِد بَيْت المَقْدِس، واتَّخَذَتْهُ مَزْبلة | 1 | | | | | | | *Ḍaʿīf* |
| 35 | | | | | | | | | *Ṣaḥīḥ* |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 36 | صلَّى رسُولُ الله عليه السلام إلى بَيتِ المقدِس ستَّةَ عشَرَ | | | | | | | | *Ṣaḥīḥ* |
| 37 | لما كَانَ لَيلَةُ أُسرِيَ بِي فَأَصبَحتُ بِمَكَّةَ، فَظَعْتُ بِأَمرِي | 1 | | | | | | | *Ṣaḥīḥ* |
| 38 | | | | | | | | | *Ṣaḥīḥ* |
| 39 | لما أُسرِيَ به، انتَهَى به جِبرِيلُ إلى بيتِ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf* |
| 40 | أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم لَيلَةَ أُسرِيَ بِهِ وَقَفَ البُرَاقُ | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf Jiddan* |
| 41 | لما أُسرِيَ بِي إِلَى بَيتِ المقدِسِ، مَرَّ بِي جِبرِيلُ عَلَى قَبرِ إِبرَاهِيمَ | 1 | | | | | | | *Mawḍū'* |
| 42 | أَنَّ عُبادَةَ بنَ الصَّامِتِ قام على سُورِ بَيتِ المقدِسِ الشَّرقِيِّ | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf* |
| 43 | أَنَّ رسُولَ الله عليه السلام لما ظَهَرَ على بيتِ المقدِسِ ليلةَ | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf* |
| 44 | تُقبِلُ رَايَاتٌ سُودٌ مِن قِبَلِ خُرَاسَانَ، فَلَا يَرُدُّهَا أَحَدٌ حَتَّى | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf Jiddan* |
| 45 | اليَومُ في بَيتِ المقدِسِ كَأَلفِ يَومٍ، والشَّهرُ كَأَلفِ شَهرٍ، وَالسَّنَةُ | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf Jiddan* |
| 46 | مَقبُورُ بَيتِ المقدِسِ لا يُعَذَّبُ | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf Jiddan* |
| 47 | أَهلُ بَيتِ المقدِسِ جِيرَانُ الله، وَحَقٌّ عَلَى الله أَن لَا يُعَذِّبَ | 1 | | | | | | | *Ḍa'īf Jiddan* |
| 48 | أتيتُ بيتَ المقدِسِ أُرِيدُ الصَّلاةَ، فدَخَلتُ المسجِدَ، وغَفَلَت | 1 | 1 | | | | | | *Ḍa'īf Jiddan* |
| 49 | كنتُ بِبَيتِ المقدِسِ، وكنتُ أُحِبُّ أن أَبِيتَ في المسجِدِ، وما | Hanya ditemui di Faḍā'il Bayt al-Maqdis Ibn al-Jawzī | | | | | | | *Ḍa'īf Jiddan* |
| 50 | ذَهَبَت الآلامُ عن أَبدَانِ الخُدَّامِ، ووَلِهَت بالطَّاعة عن الشَّرابِ | Hanya ditemui di Faḍā'il Bayt al-Maqdis Ibn al-Jawzī | | | | | | | - |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 51 | أَرضُ المحشَرِ وَالمنشَرِ. ائتُوه فَصَلُّوا فِيهِ، فَلَيَأتِيَنَّ عَلَى بَيتِ | 1 | | | 1 | 1 | | | *Ḍaʻīf* |
| 52 | العَرضُ وَالحِسَابُ بِبَيتِ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 53 | مِن صَخرَةِ بيتِ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 54 | أَيَّتُها العِظَامُ النَّخِرَةُ! والجُلُودُ المتَمَزِّقَةُ! والأَشعَارُ المتَقَطِّعَةُ! إنَّ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 55 | هُو حائطُ بَيتِ المقدِسِ الشَّرقِيُّ، الذي مِن ورائِهِ وَادٍ يُقالُ له: | Hanya ditemui di Faḍā'il Bayt al-Maqdis Ibn al-Jawzī | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 56 | أنَّ الجَنَّةَ لَتَحِنُّ شَوقًا إِلَى بَيتِ المقدِسِ مِن جَنَّةِ الفِردَوسِ، وَهِي | | | | | | | ١ | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 57 | يَجعَلُ اللهُ عز وجل يومَ القِيامَةِ صَخرةَ بَيتِ المقدِسِ مُرجَانَةً | Hanya ditemui di Faḍā'il Bayt al-Maqdis Ibn al-Jawzī | | | | | | | - |
| 58 | مِن بَرَكَتِها أَنَّ كُلَّ مَاءٍ عَذبٍ يَخرُجُ مِن أَصلِ صَخرَةِ بَيتِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf* |
| 59 | الأَنهَارُ كُلُّهَا وَالسَّحَابُ وَالبِحَارُ وَالرِّيَاحُ مِن تَحتِ صَخرَةِ بَيتِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 60 | مَن أَتَى بَيتَ المقدِسِ، فَصَلَّى عَن يَمِينِ الصَّخرَةِ وَشِمَالِهَا، وَدَعَا | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 61 | اللَّهُمَّ! لا يَأتِ هذا المسجِدَ أَحَدٌ يُرِيدُ الصَّلاةَ فيه إِلَّا أخرَجتَهُ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf* |
| 62 | يقُولُ اللهُ عز وجل لبيتِ المقدِس: «أَنتَ عَرشِيَ [الأَدنَى]. | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 63 | أنتِ عَرشِيَ الأَدنَى، وَمنكِ ارتَفَعتُ إِلَى السَّمَاءِ، وَمِن تَحتِكِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |
| 64 | مَن أَهَلَّ مِن بَيتِ المقدِسِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِن ذَنبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ، | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf* |
| 65 | مَن أَحرَمَ مِن بَيتِ المقدِسِ قَدِمَ مَكَّةَ مَغفُورًا لَهُ | | | | | | 1 | 1 | *Mawḍūʻ* |
| 66 | لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَزُورَ البَيتُ الحَرَامُ بَيتَ المقدِسِ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 67 | تُحشَرُ الكَعبَةُ إلى الصَّخرَةِ، تُزَفُّ إِلَيها زَفًّا، مُتَعَلِّقٌ بِهَا جَمِيعُ | 1 | | | | | | | *Ḍaʻīf Jiddan* |

Sumber: Analisis Pengkaji

Rajah 2: Taburan Hadith Selain *al-Kutub al-Tis'ah*




Berdasarkan kepada jadual yang telah dibentangkan, didapati bahawa daripada 67 hadith yang dimasukkan, sebanyak 62 hadith yang telah dimuatkan adalah berdasarkan sumber-sumber selain daripada *al-Kutub al-Tis'ah*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52 hadith telah didapati rujukannya daripada *Faḍā'il al-Bayt al-Muqaddas* oleh al-Wāsiṭī. Ini menunjukkan bahawa 70% kandungan hadith di dalam *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* diambil daripada kitab al-Wāsiṭī. Selain itu, analisis mendapati sebanyak tujuh hadith juga telah didapati daripada kitab *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* oleh al-Maqdisī, tiga hadith daripadanya juga terdapat dalam *Faḍā'il al-Wāsiṭī*. Analisis juga mendapati bahawa sebanyak tiga hadith telah ditemui daripada *Tārikh Dimashq* oleh Ibn ʻAsākir dan tiga hadith daripada *Jāmiʿ al-bayān ʿan taʾwīl āy al-Qurʾān* oleh al-Ṭabarī. Dua hadith daripada *Tārikh Dimashq* juga boleh didapati daripada *Faḍā'il al-Wāsiṭī*. Seterusnya, analisis menemui bahawa terdapat satu hadith ditemui daripada kitab *Sharḥ Mushkil al-Āthār* oleh al-Ṭaḥāwī dan *Musnad al-Shāmiyyīn* oleh al-Ṭabrānī juga didapati dalam *Faḍā'il al-Wāsiṭī*, manakala satu lagi hadith ditemui dalam *al-Mu'jam al-Awṣaṭ* oleh al-Ṭabrānī serta dimuatkan dalam Faḍā'il al-Maqdisī. Selain itu, terdapat empat hadith yang hanya ditemui di Faḍā'il Bayt al-Maqdis oleh Ibn al-Jawzī sahaja. Analisis mendapati bahawa Ibn al-Jawzī banyak merujuk kepada sumber-sumber hadith daripada *Faḍāil al-Wāsiṭī* dan seterusnya *Faḍāil al-Maqdisi*, memandangkan kedua-duanya merupakan himpunan bagi hadith-hadith kelebihan *al-Quds*.

### 3.2.2 Analisis Status Hadith

Kajian merumuskan status hadith daripada 67 hadith yang terdapat dalam *Faḍāil Bayt al-Maqdis*. Status hadith ini dirujuk dan diambil berdasarkan taḥqīq Abū al-Mundhir al-Ḥuwaynī ʻAmr bin ʻAbd al-ʻAẓīm terhadap kitab ini.

Rajah 3: Rumusan Status Hadith dalam *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* Ibn al-Jawzī




Rujukan: Analisis Pengkaji

Analisis mendapati bahawa daripada 67 hadith yang telah dikemukakan, lima daripadanya bertaraf *ṣaḥīḥ* dan *maqbūl*, kesemua lima hadith tersebut adalah daripada *al-Kutub al-Tis'ah*, dan juga terdapat pada sebahagian dalam *Faḍā'il al-Wāṣiṭī*. Manakala 59 hadith adalah kategori *mardūd*, iaitu 15 hadith bertaraf *ḍaʿīf*, 39 bertaraf *ḍaʿif jiddan* dan lima hadith bertaraf *mawḍūʿ*, manakala dua lagi hadith tidak dinyatakan status hadithnya oleh pentahkik. Analisis mendapati bahawa hadith-hadith yang diambil daripada *Faḍā'il al-Bayt al-Muqaddas* oleh al-Wāsīṭī menjadi penyumbang terbesar kepada lambakan hadith-hadith *mardūd* yang didapati dalam *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*.

### 3.2.2 Analisis Tema Hadith

Kajian menyaksikan bahawa terdapat 27 bab telah dimuatkan oleh Ibn al-Jawzī. Justeru, analisis akan mengumpulkan kesemua bab, dan dinyatakan kuantiti hadith yang ada pada setiap bab berkenaan. Begitu juga kajian terhadap setiap bab akan dilabelkan mengikut penomboran kod bagi memudahkan rujukan pengelasan bab kepada tema-tema. Seterusnya, kajian ini akan menganalisis keseluruhan data dan membahagikan bab-bab berkenaan kepada tema yang lebih umum bagi mendapatkan gambaran yang lebih luas.

Jadual 6: Pembahagian Bab dalam *Faḍā'il Bayt al-Maqdis*

| Kod | Bab | Tajuk Bab | No. Hadith | Kuantiti Hadith |
|---|---|---|---|---|
| **B1** | Bab 1 | Kelebihan Tanah Yang Disucikan | - | - |
| **B2** | Bab 2 | Bukit Dimana Padanya Terletak *Bayt al-Maqdis* | 1 | 1 |
| **B3** | Bab 3 | Perletakan *Bayt al-Maqdis* Dan Awal Kejadiannya | 2-11 | 10 |
| **B4** | Bab 4 | Keajaiban Yang Berlaku Di *Bayt al-Maqdis* | 12 | 1 |
| **B5** | Bab 5 | Kelebihan *Bayt al-Maqdis* | 13 | 1 |
| **B6** | Bab 6 | Kelebihan Menziarahi *Bayt al-Maqdis* | 14-15 | 2 |
| **B7** | Bab 7 | Kelebihan Solat Di Dalam Kawasan *Bayt al-Maqdis* | 16-19 | 4 |
| **B8** | Bab 8 | Penggandaan Kebaikan Dan Keburukan Di *Bayt al-Maqdis* | 20-21 | 2 |
| **B9** | Bab 9 | Kelebihan Menetap Di *Bayt al-Maqdis* | 22-26 | 5 |
| **B10** | Bab 10 | Salah Satu Masjid Yang Sangat Digalakkan Dikunjungi | 27 | 1 |
| **B11** | Bab 11 | Terdapat Kubur Sebahagian Para Nabi, *Mihrab Dawud* Dan *'Ayn Sulwan* | 28-29 | 2 |
| **B12** | Bab 12 | Kejadian Yang Berlaku Akibat Daripada Rampasan Dan Kehancuran | 30-34 | 5 |
| **B13** | Bab 13 | Peperangan Nabi Musa Di *Bayt al-Maqdis* | - | - |
| **B14** | Bab 14 | Pembukaan *Bayt al-Maqdis* Oleh Nabi Yushaʿ | 35 | 1 |
| **B15** | Bab 15 | Solat Rasulullah SAW Ke Arah *Bayt al-Maqdis* | 36 | 1 |
| **B16** | Bab 16 | Perjalanan Malam Rasulullah SAW Ke *Bayt al-Maqdis* | 37-43 | 7 |
| **B17** | Bab 17 | Pembukaan *Bayt al-Maqdis* Oleh 'Umar | 44 | 1 |
| **B18** | Bab 18 | Akhir Kejadian Yang Berlaku Di *Bayt al-Maqdis* | - | - |
| **B19** | Bab 19 | Tokoh-Tokoh Yang Pernah Menetap Dan Meninggal Di *Bayt al-Maqdis* | 45-47 | 3 |
| **B20** | Bab 20 | Sesiapa Yang Dihantui Para Malaikat Dan 'Abid | 48-50 | 3 |
| **B21** | Bab 21 | Kebangkitan Semula Bermula Daripada Sana | 51-55 | 5 |
| **B22** | Bab 22 | Kelebihan *al-Sakhrah* | 56-59 | 4 |
| **B23** | Bab 23 | Kelebihan Solat Di Sisi *al-Sakhrah* | 60 | 1 |
| **B24** | Bab 24 | Batu Yang Pernah Dipijak Oleh Nabi Sulayman | 61 | 1 |
| **B25** | Bab 25 | Allāh SWT Mengangkat Batu Ke Langit | 62-63 | 2 |
| **B26** | Bab 26 | Ganjaran Pahala Korban Di *Bayt al-Maqdis* | 64-65 | 2 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **B27** | Bab 27 | Ka‘bah Menziarahi *al-Sakhrah* Pada Hari Kiamat | 66-67 | 2 |
| | | **JUMLAH** | **67** | **67** |

Rujukan: Analisis Pengkaji

### 3.2.3 Rumusan Tema Hadith

Jadual 7: Rumusan Tema Hadith Mengikut Bab

| **Bil.** | **Tema** | **Kod** | **Bab** |
|---|---|---|---|
| **1** | Lokasi Dan Asal Usul | B2 | Bukit Dimana Padanya Terletak *Bayt al-Maqdis* |
| | | B3 | Perletakan *Bayt al-Maqdis* Dan Awal Kejadiannyya |
| **2** | Kelebihan | B1 | Kelebihan Tanah Yang Disucikan |
| | | B4 | Keajaiban Yang Berlaku Di *Bayt al-Maqdis* |
| | | B5 | Kelebihan *Bayt al-Maqdis* |
| | | B6 | Kelebihan Menziarahi *Bayt al-Maqdis* |
| | | B7 | Kelebihan Solat Di Dalam Kawasan *Bayt al-Maqdis* |
| | | B8 | Penggandaan Kebaikan Dan Keburukan Di *Bayt al-Maqdis* |
| | | B9 | Kelebihan Menetap Di *Bayt al-Maqdis* |
| | | B10 | Salah Satu Masjid Yang Sangat Digalakkan Untuk Dikunjungi |
| | | B22 | Kelebihan al-Ṣakhrah |
| | | B23 | Kelebihan Solat Di Sisi *al-Sakhrah* |
| | | B26 | Ganjaran Pahala Korban Di *Bayt al-Maqdis* |
| **3** | Sejarah Dan Peristiwa Ajaib | B12 | Kejadian Yang Berlaku Akibat Daripada Rampasan Dan Kehancuran |
| | | B13 | Peperangan Nabi Musa Di *Bayt al-Maqdis* |
| | | B14 | Pembukaan *Bayt al-Maqdis* Oleh Nabi Yushaʿ |
| | | B15 | Solat Rasulullah Ke Arah *Bayt al-Maqdis* |
| | | B16 | Perjalanan Malam Rasulullah Ke *Bayt al-Maqdis* |
| | | B17 | Pembukaan *Bayt al-Maqdis* Oleh ‘Umar |
| | | B18 | Akhir Kejadian Yang Berlaku Di *Bayt al-Maqdis* |
| | | B20 | Sesiapa Yang Dihantui Para Malaikat Dan ‘Abid |
| | | B24 | Batu Yang Pernah Dipijak Oleh Nabi Sulayman |
| | | B25 | Allah SWT Mengangkat Batu Ke Langit |
| **4** | Tokoh-Tokoh Dan Peninggalan | B11 | Terdapat Kubur Sebahagian Para Nabi, *Mihrab Dawud* Dan *‘Ayn Sulwan* |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | B19 | Tokoh-Tokoh Yang Pernah Menetap Dan Meninggal Di *Bayt al-Maqdis* |
| **5** | Peristiwa Hari Kiamat | B21 | Kebangkitan Semula Bermula Daripada Sana |
| | | B27 | Ka'bah Menziarahi Sakhrah Pada Hari Kiamat |

Rujukan: Analisis Pengkaji

Kajian menyimpulkan bahawa beliau telah menggunakan kaedah tematik dalam menghimpunkan hadith, athar dan kisah-kisah berkenaan *Bayt al-Maqdis*. Perbincangan dari perspektif hadith bakal menatijahkan hasil yang lebih konkrit[27]. Analisis merumuskan bahawa Ibn al-Jawzī telah membuat penyusunan bab mengikut lima tema umum, iaitu lokasi dan asal usul (b2, b3), kelebihan *Bayt Al-Maqdis* (b1, b4, b5, b6, b7, b8, b9, b10, b22, b23, b26), sejarah dan peristiwa ajaib (b12, b13, b14, b15, b16, b17, b18, b20, b24, b25), tokoh-tokoh dan peninggalan (b11, b19) dan peristiwa hari kiamat (b21, b27). Kebanyakan daripada tema-tema ini telah disusun oleh Ibn al-Jawzī mengikut turutan bab.

## 4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan keutamaan *Bayt al-Maqdis* menurut perspektif al-Quran dan hadith, dengan merujuk kepada karya *Faḍā'il Bayt al-Maqdis* karangan Ibn al-Jawzī (m. 579 H/1201 M). Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa dalam karya ini terdapat 11 ayat al-Quran yang mendukung topik pembahasan iaitu empat ayat daripada ayat-ayat al-Quran tersebut berfungsi sebagai argumen utama, sementara tujuh lainnya berfungsi sebagai argumen sokongan terhadap sesebuah topik yang dibincangkan. Ibn al-Jawzī juga menggunakan pendekatan tematik dalam menyusun ayat-ayat al-Quran terkait *Bayt al-Maqdis* dengan tidak hanya bersandarkan kepada ayat-ayat yang secara langsung menyebutkan nama *Bayt al-Maqdis* tetapi juga tafsiran ayat-ayat yang memiliki keterkaitan tema *Bayt al-Maqdis* meskipun tidak disebutkan secara langsung.

Selain itu, Ibn al-Jawzī telah memuatkan sebanyak 67 hadith di dalam karya dengan menggunakan pendekatan tematik hadith dalam penyusunannya. Analisis menunjukkan bahawa hadith-hadith tersebut merangkumi akan tema-tema umum seperti lokasi dan asal-usul, kelebihan *Bayt al-Maqdis*, sejarah dan peristiwa ajaib, tokoh-tokoh dan peninggalan, dan peristiwa hari kiamat yang telah disusun secara sistematik dalam karya ini. Meskipun hanya lima hadith yang memiliki status *ṣaḥīḥ* dan baki hadith-hadithnya iaitu 15 bertaraf *ḍaʿīf*, 40 bertaraf *ḍāʿīf jiddan*, 5 bertaraf *mawḍūʿ*, kajian ini tetap memberikan wawasan yang mendalam perihal keutamaan dan kepentingan *Bayt al-Maqdis*.

Justifikasinya, disarankan agar sebuah terjemahan ke dalam Bahasa Melayu moden dapat dilakukan buat karya ini agar manfaatnya dapat diakses oleh masyarakat Malaysia berkenaan kefahaman yang lebih luas tentang keutamaan *Bayt al-Maqdis* berdasarkan sumber-sumber utama Islam.

[27] Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, Norazam Khair Mohd Ithnin & Ishak Suliaman, "Maqāṣid Al-Sunnah Dalam Kerangka Maqāṣid Al-Sharīʿah: Analisis Konseptual" (Journal Ilmu Wahyu Rabbanica 4(2) 8.

## 5. RUJUKAN

A R Kasa, "Sejarah Baitulmaqdis jadi rebutan dunia," Berita Harian Online, 26 Februari 2020, https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2020/02/659337/sejarah-baitulmaqdis-jadi-rebutan-dunia.

Abū ʻAbd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī" dalam Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣālih bin ʻAbd al-ʻAzīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000)

Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Ṣahīh Muslim" dalam Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah ed. Ṣālih bin ʻAbd al-ʻAzīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000)

Abū al-Qāsim ʻAlī bin al-Hasan ibn ʻAsākir, Tārikh Dimasq ed. Muḥib al-Dīn Abū Sa'īd ʻUmar bin Gharāmah (Dimasq: Dār al-Fikr, 1998)

Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī, al-Mu'jam al-Awṣāt ed. Abū Mu'ādh Ṭāriq bin ʻAud Allāh (Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, 1995), Ḍiyā' al-Dīn Abū ʻAbd Allāh al-Maqdisī, Faḍā'il Bayt al-Maqdis ed. Muḥammad Muṭi' al-Ḥāfiẓ (Dimasq: Dār al-Fikr, 1981)

Abū al-Qāsim al-Ṭabrānī, Musnad al-Shāmiyyīn ed Ḥamdī bin ʻAbd al-Majīd al-Salafī (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1984)

Abū Dāwūd Sulaymān ibn al-Ashʻath al-Sijistānī, "Sunan Abī Dāwūd" dalam Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah ed. Ṣālih bin ʻAbd al-ʻAzīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000)

Abū Ja'far Aḥmad bin Muḥammad al-Ṭaḥāwī, Sharh Mushkil al-Āthār ed. Shu'ayb al-Arna'ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1994)

Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī, Jāmiʿ al-bayān ʿan taʾwīl āy al-Qurʾān ed. ʻAbd Allāh bin ʻAbd al-Muḥsin (Mecca: Dār Hajr, 2001)

Abū Muḥammad ʿAbd Allāh ibn ʿAbd al-Raḥmān al-Dārimī, "Musnad al-Dārimī" ed. Husayn Salīm Asad al-Dārānī (Al-Riyāḍ: Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000).

Abū ʿAbd al-Raḥmān Aḥmad ibn Shuʿayb al-Nasāʾī, "Sunan al-Nasā'ī", dalam Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣālih bin ʻAbd al-ʻAzīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000)

Abū ʿAbd Allāh Muḥammad ibn Yazīd Ibn Mājah, "Sunan ibn Mājah" dalam Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣālih bin ʻAbd al-ʻAzīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000)

Abū ʿĪsā Muḥammad ibn ʿĪsā al-Sulamī al-Tirmidhī, "Sunan al-Tirmidhī" dalam Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf; al-Kutub al-Sittah, ed. Ṣālih bin ʻAbd al-ʻAzīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000)

Aḥmad bin ʻAli ibn Ḥajar al-ʻAsqalānī, Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī ed. Muḥammad Fu'ād ʻAbd al-Bāqī dan Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1970)

Aḥmad bin Ḥanbal, Musnad Aḥmad ed. ed. Shu'ayb al-Arnā'ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001)

Al-Khaṭīb Abū Bakar Muḥammad bin Aḥmad al-Wāṣiṭī, Faḍā’il al-Bayt al-Muqaddas ed. Abū al-Mundhir al-Ḥuwaynī dan ‘Amru bin ‘Abd al-‘Aẓīm Sharīf (Nicosia: Markaz Bayt al-Maqdis li al-Dirāsāt al-Tawthīqiyyah, 2010)

Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Tārīkh Baghdād ed. Muṣtafā ‘Abd al-Qādir Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).

Alex Zvargulis R., “How to Write an Academic Book Review” (San José State University Writing Center, 2021).

Anuar Mohamad & Mustaqim Zarif, “Kaedah Penulisan Rasm Uthmani dan Keistimewaannya” (Ulum Islamiyyah, 4(1) 2005).

Astro Awani, “Lebih 11,000 rakyat Palestin maut dibedil rejim Zionis”, lamas sesawang Youtube Astro AWANI, diakses pada 13 November 2023, https://www.youtube.com/watch?v=H2fuP8GEVR4.

Dzul Dzulraidi, Terjemahan Syarah Muqizah az-Zahabi (Terengganu: Paddi Resources, 2023).

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, Norazam Khair Mohd Ithnin & Ishak Suliaman, “Maqāṣid Al-Sunnah Dalam Kerangka Maqāṣid Al-Sharīʿah: Analisis Konseptual” (Journal Ilmu Wahyu Rabbanica 4(2).

El-awaisi, K. dan Sağlam, B. B., “Hastening Armageddon: The Future of Al-Aqsa Mosque in the ‘Deal of The Century’ within the Framework of Christian Zionisim,” Journal of Islamicjerusalem Studies, 23:1 (2023).

Fahd bin Ibrāhīm bin ‘Abd Allāh al-Ḍāli’, Zawāid ibn al-Jawzī ‘alā Maqātil fī al-Wujūh wa al-Naẓāir (disertasi Sarjana Uṣūl al-Dīn, Jāmi’ah al-Imām Muḥammad bin Sa’ud al-Islāmiyyah, 2005).

Hishām al-Kāmil Ḥāmid, Qaṣaṣ al-Anbiyā’ (Kaherah: t.tp., 2019) 63.

Ibn al-Jawzī, Abdul Rahman bin Ali, Faḍāil Bait al-Maqdis ed. Amru bin Abd Azim (cet. pertama, Kaherah: Maktabah Dār al-Kutub al-Misriyyah, 2012).

Ismā’īl bin ‘Umar ibn Kathīr, al-Bidāyah wa al-Nihāyah ed. ‘Alī Shīrī (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1988).

Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsat al-Asānīd (Al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1996).

Mālik bin Anas bin Mālik, Muwaṭṭa’ Mālik ed. Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1985)

Moh Tulus Yamani, “Memahami Al-Qur'an dengan Metode Tafsir Maudhu'ī” (Jurnal Pendidikan Agama Islam, 1(2) 2015).

Mohd Awang Idris et al., Metodologi Penyelidikan Sains Sosial, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018) 76.

Mohd Roslan Mohd Nor, “Jerusalem in History”, Jurnal Usuluddin, 17 (2003) 185-188

Mohd Roslan Mohd Nor, “Konflik Israel-Palestin Dari Aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis”, Jurnal Al-Tamaddun, 5 (2010) 73-95.

Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, Takhrīj al-Ḥadīth Nash’atuhu wa Manhajiyatuhu (Kuala Lumpur: Maktabah Qurṭubah, 2014), 16-17

Muhammad Deif, “Kami telah meluncurkan 5000 roket dalam waktu setengah jam menuju pemukiman penjajah,” laman sesawang Youtube AlJazeera Arabic, diakses pada 13 November 2023, https://www.youtube.com/watch?v=-cxL5_Nw1l0.

Norazam Khair Mohd Ithnin, Ishak Suliaman & Abdul Halim Ibrahim, "Autentikasi Hadith Pensyariatan Khitān Wanita: Suatu Penilaian Semula" (Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Keunggulan Warisan Islam 8(1) 2023).

"Penduduk Israel melampau hina Nabi Muhammad SAW", Utusan Malaysia, 16 Jun 2021, https://www.utusan.com.my/luar-negara/2021/06/penduduk-israel-melampau-hina-nabi-muhammad-saw/.

Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, Siyar A'lām al-Nubalā' ed. Shu'ayb al-Arnā'ūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 21: 365

TeleSUR English, "Hamas, announced the launching of Operation Al-Aqsa Flood," laman sesawang Youtube TeleSUR English, diakses pada 13 November 2023, https://www.youtube.com/watch?app=desktop&v=c1PxK3ljyeg